# NEWS CLIPPING

| MEDIA | UTUSAN MALAYSIA (PAGE 27) | DATE | 19 AUGUST 2013 |
|---|---|---|---|

## Rotary PJ bantu 100 pelajar

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Sebanyak 100 pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Sungei Way telah menerima sumbangan berupa duit raya, peralatan sekolah dan keperluan harian bernilai hampir RM5,000 daripada Kelab Rotary Petaling Jaya baru-baru ini.

Presiden Kelab Rotary Petaling Jaya, H.S Dharan berkata, sumbangan tersebut diberi kepada pelajar yang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan.

"Selain itu, sumbangan itu juga bagi memberi keceriaan kepada mereka yang menyambut Aidilfitri.

"Pihak kami juga berhasrat untuk memberi bantuan sistem pembesar suara memandangkan pihak sekolah tidak mampu untuk membeli peralatan tersebut," katanya.

Tambahnya, sumbangan tersebut akan diberikan pada September ini setelah kelabnya berjaya mengumpul dana daripada ahli.